

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor seperti yang dinyatakan pada para 4 (i-iv) bagi kerja-kerja berikut : -

No Sebutharga	Tajuk Projek	Kelas	Kepala Sub-Kepala	Tempat Dokumen Dijual	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 65/2018	Pembelian Ink, Catridge, Toner Dan Alat Tulis Komputer Bil. 1/2018 Untuk Majlis Perbandaran Kajang.	KKM	020601	Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan	53.00 (Termasuk 6% GST)	26 April 2018 Hingga 10 Mei 2018
MPKj S 66/2018	Perkhidmatan Mencetak Untuk Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2018.	KKM & (Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN)	221601 @ 221602 @ 221603 @ 221604 @ 221606	Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan	53.00 (Termasuk 6% GST)	26 April 2018 Hingga 10 Mei 2018

2. Pemborong yang ingin memasuki sebutharga di atas hendaklah membayar dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos sahaja di atas nama **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Kajang**.
3. Pemborong yang memasuki sebutharga di atas dinasihatkan membuat lawatan sendiri ke tapak projek bagi memudahkan mengisi kadar harga di dalam dokumen sebutharga yang dibeli.
4. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada pemborong yang sah sahaja bermula tarikh **26hb. April 2018** sehingga **10hb. Mei 2018**. Untuk maksud ini pemborong hendaklah membawa **sijil pendaftaran asal** seperti berikut :-
 - i) **Syarikat Suruhajaya Malaysia (SSM);**
 - ii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM); dan**
* Sertakan bersama Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat Bumiputra.
 - iii) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
* Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.
 - iv) **Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN)**

5. Salinan-salinan perakuan dan / atau sijil berkenaan yang boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos sahaja atas nama Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Kajang.
6. Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **pada** atau **sebelum 10HB. MEI 2018 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI.**
7. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

**Bahagian Bekalan Dan Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang,
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**